



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PENGENDALIAN KES-KES DI MAHKAMAH TAWAU, MAHKAMAH LAHAD
DATU DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH LITARAN YANG BERKAITAN
SELARAS DENGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
DIPERKETATKAN BERSASAR (PKPDB) SECARA PENTADBIRAN
DARI 29 SEPTEMBER HINGGA 12 OKTOBER 2020**

Selaras dengan pengumuman Kerajaan Persekutuan pada 28 September 2020 mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (“PKPDB”) secara pentadbiran di daerah Tawau, Kunak, Lahad Datu dan Semporna dari 29 September hingga 12 Oktober 2020 yang melibatkan penutupan premis kerajaan termasuklah Premis Mahkamah di daerah-daerah tersebut.

Sehubungan dengan itu, Mahkamah Tawau, Mahkamah Lahad Datu dan Mahkamah-Mahkamah Litaran yang berkaitan di kesemua empat daerah ini akan mengendalikan kes-kes mengikut **Panduan Pengendalian Kes-Kes di Mahkamah Seluruh Malaysia Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dan Akta Polis 1967** yang dikeluarkan oleh Pejabat ini pada 17 Mac 2020 sepanjang tempoh pelaksanaan PKPDB secara pentadbiran tersebut mengikut kesesuaian dan tertakluk kepada pengumuman dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Persekutuan.

Sekiranya agensi kerajaan, peguam dan orang awam mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, bolehlah menghubungi Pendaftar Mahkamah seperti berikut:

(i) Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Nama: Puan Amelati Anak Parnell
E-mel: amelati@kehakiman.gov.my
No. Telefon: 088-286100

(ii) Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak

Nama: Tuan Jason Juga
E-mel: jason@kehakiman.gov.my
No. Telefon: 082-442228

Terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 29 September 2020